



Ruj. Tuan / Your Ref :
Ruj. Kami / Our Ref : (1) 04/C/656/2 Jil.3

18 Oktober 2023

Semua Pemegang Lesen Kategori Pekebun Kecil
Semua Pemegang Lesen Kategori Estet
Semua Pemegang Lesen Kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit
Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan,

MAKLUMAN LARANGAN URUSNIAGA BUAH RELAI SECARA BERASINGAN DARIPADA TANDAN SEGAR

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Bagi memastikan industri sawit negara terus berkembang maju dan berdaya saing, semua pihak yang terlibat dalam rantai bekalan keluaran kelapa sawit hendaklah berusaha dan komited untuk meningkatkan kualiti pengeluaran buah kelapa sawit. Selaras dengan matlamat tersebut, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menguatkuasakan penggredan ke atas buah kelapa sawit yang diterima atau dibeli berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015) yang berkuatkuasa pada 15 Ogos 2016.
3. Menurut perkara 3.3.2 dalam Manual Penggredan tersebut, penghantaran atau penjualan buah relai secara berasingan daripada tandan segar tidak dibenarkan kerana ianya boleh menjejaskan kadar perahan minyak (OER) di kilang termasuk perbuatan meleraikan tandan untuk mendapatkan buah relai adalah dilarang sama sekali.
4. Perkara ini telah ditegaskan sekali lagi dalam perkara 4.3.5 dalam Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua) yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 2023 iaitu buah relai hendaklah dihantar ke kilang atau peniaga buah kelapa sawit bersama-sama dengan tandan segar. Pembelian atau penerimaan buah relai secara berasingan daripada tandan segar adalah dilarang.
5. Saya ingin menarik perhatian tuan, Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat lesen yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.





LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)

6. MPOB menyeru semua pihak yang terlibat dalam urusan niaga buah kelapa sawit ini mengamalkan disiplin cara perniagaan yang seragam dan adil untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta memelihara kualiti penghasilan minyak sawit ke arah kemampanan industri sawit negara.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

s.k

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sago (BISS), KPK
- iii. Setiausaha Eksekutif MPOA
- iv. Setiausaha Eksekutif POMA
- v. Setiausaha Eksekutif MOPDA
- vi. Setiausaha Eksekutif NASH
- vii. Setiausaha Eksekutif MEOA
- viii. Setiausaha Eksekutif EMPA
- ix. Setiausaha Eksekutif SOPPOA

